



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 14 Mac 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Dua pusat penyembelihan ayam kotor, busuk disita

Op Pantau dilaksanakan secara bersepadu penguat kuasa KPDN, JAKIM dan Imigresen

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dua pusat penyembelihan ayam dikesan beroperasi dalam keadaan 'cincal' dengan meletakkan ayam di lantai, selain keadaan premis yang kotor dan busuk.

Kegiatan itu dibongkar menerusi Op Pantau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Cawangan Pengurusan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Imigresen Malaysia di Kampung Cheras Baru, awal pagi semalam.

Operasi pada jam 1 pagi itu menyita 3,200 kilogram (kg) ayam dengan nilai rampasan RM27,938.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Mohd Sabri Seman, berkata serbuan dilakukan hasil risikan selama dua minggu susulan maklumat berkaitan penjualan ayam standard yang meragukan di beberapa medan selera, dekat sini.

"Serbuan dijalankan terhadap empat premis, yang mana dua daripadanya berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) mana-



Pegawai dan penguat kuasa KPDN memeriksa premis ketika Op Pantau bersama Cawangan Pengurusan Halal JAKIM dan Jabatan Imigresen di Kampung Cheras Baru, awal pagi semalam. (Foto Ahmad Ukasyah/BH)

kala dua lagi beroperasi secara haram.

"Ketika serbuan dilakukan mereka didapati menggunakan khidmat warga asing untuk menyembelih ayam-ayam berkenaan," katanya kepada media selepas tamat operasi berke-naan.

Mohd Sabri berkata, pemeriksaan terhadap semua pusat penyembelihan juga mendapati penyembelihan ayam oleh warga asing dan bekalan ayam turut dihantar kepada peniaga Muslim.

Beliau berkata, premis itu diasasat mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730), selain disyaki melakukan kesalahan di bawah Perintah 8, Perintah Pe-



Mohd Sabri Seman

rihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, iaitu Perintah 4(1) yang memperuntukkan makanan atau barangan tidak boleh dilabel halal atau ditandakan seolah-olah halal kecuali diperakukan pihak berkuasa berwajib dan memaparkan logo halal sah seperti ditetapkan.

Tahan 26 warga asing

Katanya, dalam operasi sama, seramai 26 warga asing dari India dan Bangladesh yang disyaki melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen ditahan dan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut.

"Operasi ini penting bagi memastikan tahap keyakinan rakyat terutama pengguna Muslim terhadap produk ayam yang dijual sentiasa terjamin dan patuh syariah," katanya.

Selain itu, Mohd Sabri berkata, KPDN dengan kerjasama JAKIM melaksanakan pemeriksaan di 11 premis hotel bermula 2 Mac hingga Selasa lalu bagi memastikan pematuhan terhadap penyediaan makanan halal.

Beliau turut menegaskan pihaknya tidak akan berkompromi dengan pengusaha, pengilang atau pemborong yang melanggar peraturan yang ditetapkan.

"Orang ramai juga dinasihatkan untuk membuat aduan kerana isu ini (penyembelihan ayam) sangat sensitif kepada pengguna umat Islam," katanya.

Pusat sembelih ayam jijik di Cheras

- Dua pusat sembelih ayam, gaji warga asing diserbu
- Beroperasi 8 malam hingga 3 pagi

PETALING JAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengesan dua pusat penyembelihan ayam yang kotor dan busuk beroperasi di Cheras, Kuala Lumpur, semalam.

Pengarahnya, Mohd. Sabri Seman berkata, kedua-dua pusat sembelihan yang tidak berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan itu mula beroperasi pada pukul 8 malam sehingga 3 pagi, setiap hari selain menggunakan khidmat pekerja warga asing.

Katanya, penguatkuasaan itu dilakukan menerusi Ops Pantau 2025 yang menumpukan pusat sembelihan ayam beroperasi secara haram di sekitar Cheras, dalam menangani isu penggunaan dan penipuan terhadap perbahasan halal.



PENGUAT KUASA memeriksa kad pengenalan pekerja asing yang ditahan ketika bekerja di sebuah premis penyembelihan ayam di Cheras semalam.

"Serbuan ini dijalankan bersama Jabatan Imigresen (JIM) Kuala Lumpur dan Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) hasil risi-

kan KPDN Kuala Lumpur selama dua minggu berikutan terdapat maklumat berkaitan penjualan ayam standard yang meragukan

di sekitar Kuala Lumpur.

"Kesalahan kedua-dua pusat sembelihan itu disyaki berlaku di bawah Akta Kawalan Bekalan

1961 [Akta 122] kerana menjalkan aktiviti jualan borong ayam tanpa memiliki Lesen Barang Kawalan Berjadual yang sah.

"Bagi kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, siasatan akan dilakukan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu berurusan dengan barang kawalan berjadual tanpa memiliki suatu lesen yang sah," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Dalam operasi sama, katanya, JIM Kuala Lumpur turut menahan dua puluh enam lelaki warga asing kerana gagal mengemukakan maklumat pengenalan diri.

"Mereka disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 [Akta 155], manakala dua majikan warganegara turut ditahan dalam operasi berkenaan bagi membantu siasatan," ujarnya.

Selain itu katanya, KPDN Kuala Lumpur bersama Jakim turut melaksanakan pemeriksaan di sebelas buah hotel di sekitar Kuala Lumpur sepanjang Ramadan.



PENGUAT kuasa KPDN memeriksa premis pemprosesan ayam di Cheras ketika Ops Pantau bersama Jakim, JIM. - Gambar NSTP/AHMAD UKASYAH

SERBU PUSAT PENYEMBELIHAN AYAM HARAM

Kotor dan busuk!

Oleh Hafidzul Hilmi
 Mohd Noor
 hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Letak ayam di lantai selain keadaan premis kotor dan busuk. Itu keadaan dua pusat penyembelihan haram yang diserbu pihak berkuasa di Kampung Cheras Baru, dekat sini, awal pagi semalam.

Dalam serbuan Ops Pantau jam 1 pagi dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Cawangan Pengurusan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) itu, sebanyak 3,200 kilogram (kg) ayam disita membatikan nilai rampasan RM27,938.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Mohd Sabri Seman berkata, serbuan dilakukan hasil risikan selama dua minggu susulan maklumat berkaitan penjualan ayam standard yang meragukan di beberapa



medan selera di sekitar Kuala Lumpur.

"Serbuan dijalankan ke atas empat premis yang mana dua daripadanya berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) manakala dua lagi beroperasi secara haram.

"Ketika serbuan dilakukan, mereka menggunakan khidmat warga asing bagi tujuan menyembelih ayam berkenaan," katanya kepada media selepas ditemui selepas tamat operasi berkenaan.

Mohd Sabri berkata, hasil pemeriksaan mendapati

ti berlaku aktiviti penyembelihan ayam oleh warga asing dan bekalan ayam turut dihantar kepada peniaga Muslim.

"Sehubungan itu, premis berkenaan melakukan kesalahan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730) selain disyaki melakukan kesalahan di bawah Perintah 8, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, iaitu Perintah 4(1) yang memperuntukkan bahawa sebarang makanan atau barang tidak boleh di-label sebagai halal atau di-

tandakan seolah-olah halal, kecuali diperakukan pihak berkuasa yang berwibawa dan memaparkan logo halal yang sah," katanya.

Menurutnya, dalam operasi sama, seramai 26 warga asing dari India dan Bangladesh yang disyaki melakukan pelbagai kesalahan mengikut Akta Imigresen ditahan dan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut.

"Operasi ini penting bagi memastikan tahap keyakinan rakyat terutama pengguna Muslim terhadap produk ayam yang dijual sentiasa terjamin dan patuh syariah," katanya.

Sementara itu, Mohd Sabri berkata, KPDN dengan kerjasama Jakim melaksanakan pemeriksaan di 11 premis hotel bermula 2 Mac hingga Selasa lalu bagi memastikan pematuan terhadap penyediaan makanan halal.

Beliau menegaskan pihaknya tidak akan berkompromi dengan pengusaha, pengilang atau pemborong yang melanggar peraturan.



KPDN melaksanakan Op Pantau di pusat penyembelihan ayam di Kampung Cheras Baru pada Khamis.

Ayam disembelih warga asing, letak atas lantai

Dua pusat sembelih digempur KPDN menerusi Op Pantau

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
KUALA LUMPUR

Dua pusat penyembelihan ayam dikesan beroperasi dalam keadaan tidak terurus dengan meletakkan ayam di lantai, selain keadaan premis yang kotor dan berbau busuk.

Kegiatan itu dibongkar menerusi Op Pantau yang dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Cawangan Pengurusan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di Kampung Cheras Baru di sini pada Khamis.

Dalam operasi pada jam 1 pagi itu, sebanyak 3,200 kilogram (kg) ayam disita dengan nilai rampasan berjumlah RM27,938.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur Mohd Sabri Seman berkata, serbuan dilakukan hasil risikan selama dua minggu susulan maklumat berkaitan penjualan ayam standard yang meragukan di beberapa medan selera di sekitar Kuala Lumpur.

"Serbuan dijalankan ke atas empat premis, di mana dua daripadanya berdaftar dengan pihak berkuasa



Keadaan di lokasi pusat penyembelihan ayam diserbu KPDN yang tidak terurus, kotor dan berbau busuk.



tempatan manakala dua lagi beroperasi secara haram.

"Ketika serbuan dilakukan mereka menggunakan khidmat pekerja warga asing di premis berkenaan," katanya pada sidang akhbar selepas tamat operasi berkenaan.

Mohd Sabri berkata, hasil pemeriksaan terhadap semua pusat penyembelihan juga mendapati berlaku aktiviti penyembelihan ayam oleh warga asing.

"Sehubungan itu premis berkenaan melakukan kesalahan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730) selain disyaki melakukan kesalahan di bawah Perintah 8, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011," katanya.

Beliau berkata, dalam operasi sama, seramai 26 warga asing dari India dan Bangladesh disyaki melakukan pelbagai kesalahan di bawah

Akta Imigresen 1959/63 ditahan dan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut.

"Operasi ini penting bagi memastikan tahap keyakinan rakyat terutamanya pengguna Muslim terhadap produk ayam yang dijual sentiasa terjamin dan patuh syariah," katanya.

Mohd Sabri berkata, KPDN dengan kerjasama Jakim telah melaksanakan pemeriksaan di 11 premis hotel bermula 2 Mac hingga Selasa, bagi memastikan pematuhan terhadap penyediaan makanan halal.

"Kita tidak akan berkompromi dengan pengusaha, pengilang atau pemborong yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

"Orang ramai dinasihatkan untuk membuat aduan kerana isu ini (penyembelihan ayam) sangat sensitif kepada pengguna terutama orang Islam," katanya.

Illegal chicken slaughterhouse raided

CHERAS: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), in collaboration with the Malaysian Islamic Development Department (Jakim), raided two illegal chicken slaughtering premises in Cheras early Thursday, uncovering unhygienic conditions.

During the 1am operation, enforcement officers discovered chicken placed directly on the floor in filthy and unsanitary conditions, leading to the seizure of over 3,000 kilogrammes of poultry valued at about RM28,000.

KPDN Kuala Lumpur director Mohd Sabri Seman said the two premises had been issued closure notices by other authorities in January.

"The case is being investigated under the Trade Descriptions Act 2011, Section 21 of the Control of Supplies Act 1961, and Regulation 3(1) of the Control of Supplies

Regulations 1974," he told reporters here.

He further disclosed that the slaughterhouses, which operate from 8pm to 3am, employed foreign workers who were also involved in the slaughtering process.

He said 26 foreign workers, who are from India and Bangladesh, were handed over to the Immigration Department for further action.

Mohd Sabri said both premises would also be investigated by Jakim for violations of provisions under the Trade Descriptions (Certification and Marking of 'Halal') Order 2011.

Meanwhile, he said the Home Ministry, in collaboration with Jakim, had carried out inspections at 11 hotel premises in the federal capital since last March 2 to ensure compliance with the provision of halal food.



AZMAN mengadakan lawatan di bazar Ramadan Rahmah di Tunjung.

Masalah kekurangan bekalan minyak masak peket, botol di Kelantan bakal selesai: KPDN

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan menjangkakan bahawa masalah kekurangan bekalan minyak masak peket dan botol di Kelantan akan selesai dalam masa terdekat.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, pihaknya sudah mengambil langkah segera bagi menangani masalah itu.

Katanya, pihaknya mengakui bekalan minyak pe-

aket dan botol di negeri itu berdepan masalah sejak beberapa bulan lalu, namun masih terkawal.

"Kita akui masalah yang berlaku dan setiap hari kita menjalankan tinjauan di hampir 100 kedai bagi melihat stok bekalan minyak masak.

"Daripada jumlah itu, lebih separuh premis mempunyai bekalan manakala yang selebihnya kekurangan bekalan.

"Situasi itu kebanyakan-

nya berlaku pada akhir bulan apabila kuota peniaga masing-masing sudah habis, sedangkan permintaan masih tinggi," katanya.

Menurut beliau, permintaan terhadap bekalan minyak masak turut dijangka bertambah menjelang Aidilfitri.

"Orang ramai juga boleh mendapatkan bekalan minyak masak di Program Jualan Rahman Madani (PJRM) yang berdekatan," katanya.

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan bahawa bekalan minyak masak di negeri ini adalah mencukupi menjelang perayaan Aidilfitri ini.

Pengarah KPDN Johor Lilis Saslinda Pornomo berkata, tindakan proaktif sudah diambil sejurus aduan diterima yang mendakwa bekalan kurang di pasaran.

KPDN jamin bekalan minyak masak di Johor mencukupi

Menurutnya, pemantauan akan dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan bekalan minyak masak mencukupi walaupun selepas musim perayaan.

“Setakat ini, menjelang Aidilfitri, kita harap dan

jamin akan memastikan keberadaan minyak masak ini mencukupi.

“Pemantauan akan dibuat dari semasa ke semasa dan penguatkuasaan juga sentiasa bersiaga dengan disokong gerak kerja oleh

Pegawai Pemantau Harga.

“Bukan sahaja tujuan perayaan, kita pastikan bekalan ini ada selepas itu, jadi jika tahu mana-mana kawasan yang mengalami masalah bekalan, segera adukan pada kami,” katanya.

Call to report shortages of cooking oil

JOHOR BAHRU: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has urged the public to be the eyes and ears of the ministry and report shortages of bottled cooking oil in their areas.

Johor KPDN director Lilis Saslinda Pornomo said that this collaboration is crucial to ensure the continuous supply of cooking oil, especially as the Hari Raya Aidilfitri festive season approaches.

"We have held meetings with three leading cooking oil refineries in Johor and supermarket chains to discuss issues related to the supply of cooking oil.

"We will continue to monitor the situation from time to time and urge the public to report to us immediately if they encounter this problem," she told reporters after visiting the Rahmah Ramadan bazaar and MySaveFood programme Wednesday.

She attributed the shortage of bottled cooking oil to the increase in global crude palm oil prices, coupled with the government's price ceiling policy, which has made it difficult for the companies to cover operational costs.

"Therefore, the government is considering providing special incentives to help companies increase production and supply of cooking oil in the market.

"With the intervention measures implemented, Johor KPDN is confident that the cooking oil supply in the state will be sufficient leading up to and after the Aidilfitri festive season," she added.

Meanwhile, she said that despite not receiving any complaints regarding over-priced food at Ramadan bazaars in the state, Johor KPDN will continue to conduct regular inspections to ensure compliance.

On Saturday, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said that the government's immediate intervention is crucial to ensure a sufficient bottled palm cooking oil supply over the next three months. – Bernama



TING Han (tiga dari kanan) ketika meninjau peniaga Pasar Awam Perling.

Bekalan kelapa, santan kembali stabil

Johor Bahru: Bekalan kelapa terutama santan di negeri ini kembali stabil selepas mengalami kekurangan ketara sejak hujung tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia negeri Lee Ting Han berkata, harga kelapa terutama santan diakui masih tinggi di pasaran berbanding sebelum ini.

Menurutnya, usaha berterusan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta agensi lain berjaya memastikan bekalan mencukupi dan diharapkan terus konsisten sehingga Aidilfitri.

“Bekalan (kelapa) setakat ini sudah mulai stabil (di Johor), cuma kita akui harga kelapa terutama santan masih lagi tinggi.

“Jika sebelum ini, purata harga santan antara RM12 hingga RM14 sekilogram, namun kini meningkat kepada RM16 hingga RM17 sekilogram.

“Bagaimanapun, kerajaan mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan Jualan Rahmah bagi membantu rakyat mendapatkan kelapa dan santan pada harga lebih rendah.

“Menerusi Jualan Rahmah, kerajaan Pusat beri subsidi dan diskaun 30 peratus. Kita dapat lihat harga santan dijual pada RM12 sekilogram berbanding RM17 sekilogram sebelum ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan prog-

ram Jualan Rahmah Madani di Pasar Awam Perling, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo.

Terdahulu, Ting Han dan Lilis Saslinda meninjau Jualan Rahmah Madani yang disertai peniaga Pasar Awam Perling.

Bulan lalu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dilaporkan mengambil langkah menstabilkan bekalan kelapa domestik dengan mengimport dan menge-

darkan 661,761 biji kelapa atau bersamaan 661 metrik tan, dalam menangani isu kekurangan bekalan kelapa negara.

Dalam pada itu, Ting Han berkata, langkah menambah stok dan meningkatkan be-

kalan kelapa di negeri ini akan terus diusahakan bagi menstabilkan harga dalam jangka masa panjang.

“Kita akan terus berusaha memastikan bekalan kekal mencukupi dan harga kembali ke paras yang lebih stabil,” katanya.

Sementara itu, peniaga santan Yusri Abdul Hamid berkata, peniaga risau harga santan terpaksa dinaikkan lagi susulan bekalan kelapa masih belum pulih sepenuhnya.

Katanya, walaupun bekalan kelapa didakwa mulai stabil, peniaga masih rasa tempas kekurangan bekalan kelapa yang mendapat permintaan tinggi pada Ramadan ini.

“Alhamdulillah, dalam masa dua minggu ini pembekal tidak menaikkan harga kelapa seperti sebelum ini,” katanya.

“
Kita akui harga
kelapa terutama
santan masih lagi
tinggi
Ting Han

Coconut supply now stabilised

JOHOR BAHRU: The supply of coconuts and coconut milk in the state has stabilised after experiencing shortages earlier this year, said State Investment, Trade, Consumer Affairs, and Human Resources Committee chairman Lee Ting Han.

He said the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) and other relevant agencies have ensured sufficient supply, especially in the lead-up to Hari Raya Aidilfitri.

He highlighted that the government has also taken proactive measures by organising Rahmah Sales to offer the items at lower prices.

"As of now, the supply is stable, though we acknowledge that prices have increased slightly between RM16 and RM17 from the previous average of RM12 to RM14.

"We are providing subsidies and a 30 percent discount at today's Rahmah Sales. Coconuts are being sold at RM12 per kg," he said after a walkabout at KPDN's Madani Rahmah Sales at the Taman Perling market, accompanied by KPDN state director Lilis Saslinda Pornomo.

He added that the state government and relevant agencies will continue to explore measures such as increasing stock and supply to stabilise prices in the long term. – Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



MENURUT Kementerian Pengangkutan, sebanyak 50 peratus daripada aduan yang diterima semasa Ramadan berkaitan dengan masalah parkir dan kesesakan lalu lintas.

Jalan sesak, tiada parkir kenderaan di bazar Ramadan

PADA 2023, anggaran jumlah pengunjung bazar Ramadan di seluruh negara mencecah 15 juta orang, dengan perbelanjaan purata sebanyak RM50 setiap orang. Ini menunjukkan potensi besar untuk peniaga kecil dan sederhana (PKS) meningkatkan pendapatan mereka dalam tempoh sebulan ini.

Namun, isu jalan raya di bazar Ramadan menjadi cabaran utama.

Menurut Jabatan Kerja Raya (JKR), kesesakan lalu lintas di kawasan bazar meningkat sebanyak 30 peratus semasa bulan Ramadan. Ini bukan sahaja menjejaskan pengalaman pengunjung, malah turut memberi kesan kepada peniaga yang bergantung pada aliran pelanggan yang lancar.

Statistik terkini menunjukkan sektor makanan dan minuman menyumbang 70 peratus daripada jumlah jualan di bazar Ramadan. Peniaga yang menawarkan hidangan tradisional seperti nasi ambang, bubur lambuk dan kuih-muih tempatan mendapat sambutan yang menggalakkan. Namun, persaingan yang sengit memerlukan strategi pemasaran yang kreatif untuk menarik lebih ramai pelanggan.

Laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaporkan kemalangan jalan raya di sekitar kawasan bazar meningkat sebanyak 20 peratus semasa bulan puasa. Ini disebabkan oleh faktor seperti parkir haram, jalan sempit dan kesesakan yang teruk.

Bagi peniaga, penggunaan platform digital seperti media sosial dan aplikasi pesanan makanan boleh menjadi penyelesaian untuk mengurangkan kesesakan. Pada 2023, lebih 40 peratus peniaga bazar Ramadan menggunakan platform dalam talian untuk menerima tempahan awal. Ini bukan sahaja memudahkan pelanggan, malah mengurangkan keperluan mereka untuk hadir secara fizikal ke bazar.

Cadangan untuk menyediakan lebih banyak tempat parkir sementara dan mengoptimalkan laluan alternatif perlu dilaksanakan dengan segera. Menurut Kementerian Pengangkutan, sebanyak 50

peratus daripada aduan yang diterima semasa Ramadan berkaitan dengan masalah parkir dan kesesakan lalu lintas.

Selain itu, kerjasama antara pihak berkuasa tempatan (PBT) dan peniaga juga penting untuk memastikan kelancaran operasi bazar Ramadan. Pada 2023, sebanyak 60 peratus PBT telah melaksanakan program kesedaran untuk mengurangkan kesesakan dan meningkatkan keselamatan jalan raya. Ini termasuk kempen Parkir Bijak dan penggunaan kawalan trafik yang lebih efisien.

Bazar Ramadan juga menjadi platform untuk mempromosikan produk tempatan dan menyokong ekonomi komuniti. Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), lebih 80 peratus peniaga di bazar Ramadan adalah usahawan tempatan. Ini menunjukkan betapa pentingnya bazar ini dalam menyokong agenda ekonomi Negara.

Oleh itu, kerjasama antara semua pihak adalah kunci untuk memastikan kejayaan bazar Ramadhan pada masa hadapan. Secara keseluruhan, bazar Ramadan merupakan peluang emas untuk peniaga meningkatkan pendapatan mereka. Namun, isu jalan raya yang sering berlaku perlu ditangani dengan bijak untuk memastikan kelancaran operasi dan kesejahteraan pengunjung. Dengan kerjasama semua pihak, bazar Ramadan boleh terus menjadi sumber ekonomi yang penting untuk Malaysia.

Dengan mengambil kira data statistik terkini dan isu semasa, rencana ini diharap dapat memberikan pandangan yang berguna kepada peniaga dan pihak berkuasa. Fokus pada penyelesaian praktikal dan kerjasama antara semua pihak dapat memastikan bazar terus berkembang sebagai salah satu ekonomi utama di Malaysia.

DR. IRWAN IBRAHIM dan DR. ABDUL KHABIR RAHMAT

Institut Pengangkutan Malaysia (Mitrans) dan
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak
Alam, Selangor.

Acara wajib keluarga
Mohd Rafi, tertarik
dengan konsep terbuka
beramai-ramai sambil
duduk bersila

Oleh NORMAWATI ADNAN
IPOH

Kemeriahan tahun lalu masih di-
rasai membuatkan sebuah ke-
luarga nekad untuk menyertai
sekali lagi Program Jelajah Iftar
Sinar Mydin 2025 yang berlangsung di
Pasar Raya Besar Mydin Meru Raya di
sini pada Rabu.

Mohd Rafi Abdullah, 48, bersama
isteri dan dua anaknya sanggup me-
nempuh perjalanan lebih 80 kilometer
dari kediaman mereka di Teluk Intan ke
Meru Raya di sini agar tidak terlepas
peluang program berkenaan.

Menurutnya, penganjuran program
itu sudah menjadi acara wajib bagi me-
reka sekeluarga kerana tertarik dengan
konsep terbuka beramai-ramai sambil
duduk bersila yang tidak dapat dirasai
di tempat lain.

"Kami bergerak sekitar jam 3 petang
menaiki kereta dan alhamdulillah, walau-
pun hujan sepanjang jalan, kami sampai
dengan selamat di sini.

"Masuk sahaja Ramadan, memang
program inilah yang kami tunggu-
tunggu. Awal-awal lagi dah daftar.
Kebetulan kami juga memang suka
membeli-belah di Mydin," katanya ke-
pada *Sinar Harian*.

Hazlina Abu Samah, 49, dari Padang
Rengas pula berkongsi pengalaman
pertama kali menghadiri program ter-
sebut bersama ibu dan kakaknya.

"Selalu baca dan tengok gambar di
media sosial sahaja, bila dapat tahu
program sama diadakan di Mydin Meru,
saya terus daftar.

"Mak saya yang dah berusia 74 ta-
hun ini pun saya bawa sekali kerana dia
pun teruja nak tengok sendiri suasana.
Tak sangka memang ramai dan meriah,"
katanya.

Suri rumah, Syebbrah Omar, 27, dari
Chemor berkata, sepanjang 11 hari ber-
puasa, ini kali pertama dia dan suami
membawa empat anak mereka terbuka
di luar.

Tempuh perjalanan lebih 80km demi jelajah iftar



Program Jelajah Iftar Sinar Mydin 2025 dimeriahkan dengan kehadiran hampir 1,000 peserta.

"Bagi saya turut
serta dalam program
ini adalah pilihan
yang tepat. Walaupun
dalam keadaan ramai
orang, tempat di-
sediakan selesa dan
selamat untuk kanak-
kanak," katanya yang
mempunyai anak
berusia antara dua
hingga 11 tahun.

Program yang di-
sertai hampir 1,000 orang itu turut di-
meriahkan dengan kehadiran Pengarah
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, Datuk
Kamalludin Ismail dan Pengarah Urusan
Alzara Foods Sdn Bhd, Mohd Yazid Manap
serta pengurus Mydin Meru Raya.

Acara turut diimarahkan dengan baca-
an selawat yang dipimpin pelajar-pelajar
Maahad Ad-deeniah, Taman Meru.



KAMALLUDIN



MOHD YAZID



SYEBBRAH



HAZLINA



MOHD RAFI

Mohd Yazid berkata, program kali ini
pihaknya berbesar hati menyediakan 1,000
pek nasi beriani ayam yang dimasak meng-
gunakan produk utama keluaran Alzara iaitu
Minyak Sapi Ghee.

Katanya, ditubuhkan pada 2018,
Alzara yang bertapak di Rawang, Selangor
telah berjaya mengukuhkan kedudukannya
di pasaran tempatan sebagai jenama
produk penyediaan makanan yang bermu-
tu tinggi.

"Kerjasama dengan Mydin
merupakan satu bentuk pasaran yang
sangat berkesan dan ia menguntungkan
kedua-dua pihak.

"Keberkesannya boleh dilihat dari
segi peningkatan jualan dan maklum
balas positif pengguna.

"Jadi untuk jangka masa panjang,
kami komited untuk menyediakan lebih
banyak produk penyediaan makanan
seperti rempah ratus, rempah kari dan
rempah ikan bagi memenuhi keperluan
pengguna," katanya.

Sementara itu, Kamalludin berkata,
Mydin merupakan rakan strategik utama
KPDN yang komited menyajikan jualan
murah sepanjang tahun menerusi
Program Jualan Rahmah Madani
(PJRM).

Menurutnya, penglibatan pasar
raya besar itu sudah semestinya mem-
beri impak besar dalam membantu
meringankan perbelanjaan keluarga
yang terbeban dengan kos sara hidup
tinggi.

"Sepanjang bulan Ramadan, KPDN
Perak telah melaksanakan 140 program
jualan rahmah di seluruh negeri.

"Menjelang Aidilfitri nanti, kita juga
akan anjurkan 74 jualan rahmah yang
tertumpu kepada produk dan barangan
persiapan untuk hari raya," katanya.



Antara gelagat peserta Program Jelajah Iftar Sinar Mydin 2025 yang berlangsung di Pasar Raya Besar Mydin Meru Raya pada Rabu.



Kamalludin menyantuni pelajar-pelajar Maahad Ad-deeniah.

RON97, diesel prices drop this week until March 19

KUALA LUMPUR: The retail price of RON97 petrol dropped by 10 sen, to RM3.28 per litre, while diesel in the peninsula decreased by seven sen, to RM3.06 per litre, yesterday, and will remain so until March 19.

In a statement, the Finance Ministry said the retail price of RON95 petrol remains unchanged at RM2.05 per litre, while diesel in Sabah, Sarawak and Labuan remains at RM2.15 per litre.

The prices are determined based on the weekly retail prices of petroleum products using the Automatic Pricing Mechanism formula.

The ministry said the government remains committed to monitoring market developments and will continue to adjust the retail price of diesel based on the global oil market while ensuring price stability.
– Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 14 MAC 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
14-Mar	Bekalan minyak masak di Johor mencukupi menjelang Aidilfitri	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1196381/bekalan-minyak-masak-di-johor-mencukupi-menjelang-aidilfitri	HARIAN METRO
14-Mar	KPDN jamin bekalan minyak masak cukup di Johor menjelang Aidilfitri	https://malaysiagazette.com/2025/03/13/kpdn-jamin-bekalan-minyak-masak-cukup-di-johor-	MALAYSIA GAZETTE
14-Mar	Orang ramai diminta pantau isu bekalan minyak masak	https://utusanarawak.com.my/orang-ramai-diminta-pantau-isu-bekalan-minyak-	UTUSAN SARAWAK
14-Mar	Ministry wants public to report bottled cooking oil shortages	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/13/ministry-wants-public-to-report-bottled-cooking-oil-	THE STAR
14-Mar	Kerajaan perlu halang makanan asing tidak patuhi syarat label - CAP	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1196500/kerajaan-perlu-halang-makanan-asing-tidak-patuhi-syarat-label-cap	HARIAN METRO
14-Mar	Kerajaan perlu halang makanan asing tidak patuhi syarat label - CAP	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1196500/kerajaan-perlu-halang-makanan-asing-tidak-patuhi	HARIAN METRO
14-Mar	Ambil tindakan ke atas penjualan produk makanan import tidak patuh label – CAP	https://malaysiagazette.com/2025/03/13/ambil-tindakan-ke-atas-penjualan-produk-makanan-import-	MALAYSIA GAZETTE
14-Mar	Bazar Ramadan Rahmah (BRR) di lima lokasi menarik seluruh negeri	https://utusanarawak.com.my/bazar-ramadan-rahmah-brr-di-lima-lokasi-menarik-	UTUSAN SARAWAK

14-Mar	Bekalan kelapa dan santan di Johor kembali stabil	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bekalan-kelapa-dan-santan-di-johor-kembali-stabil	RTM
14-Mar	Bekalan kelapa stabil, harga santan masih tinggi di Johor	https://www.sinarharian.com.my/article/717456/edisi/johor/bekalan-kelapa-stabil-harga-	SINAR HARIAN
14-Mar	Bekalan santan cukup di Johor, tapi harga masih tinggi - Exco	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1196422/bekalan-santan-cukup-di-johor-tapi-harga-masih-	HARIAN METRO
14-Mar	Orang Ramai Diminta Pantau Isu Bekalan Minyak Masak	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2401869	BERNAMA
14-Mar	Dua pusat sembelihan menjiikkan, gaji warga asing diserbu KPDN KL	https://www.kosmo.com.my/2025/03/13/dua-pusat-sembelihan-menjiikkan-gaji-warga-asing-diserbu-kpdn-	KOSMO
14-Mar	Ayam letak atas lantai, upah warga asing sembelih	https://www.sinarharian.com.my/article/717404/berita/semasa/ayam-letak-atas-lantai-upah-warga-asing-	SINAR HARIAN
14-Mar	KPDN serbu dua premis penyembelihan ayam beroperasi secara haram, kotor	https://www.tvsarawak.my/2025/03/13/kpdn-serbu-dua-premis-penyembelihan-ayam-beroperasi-secara-haram-	TVS
14-Mar	Pusat sembelih 'cincai' ayam berlonggok atas lantai, premis kotor	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1372059/pusat-sembelih-cincai-ayam-berlonggok-atas-lantai-	BERITA HARIAN
14-Mar	Letak ayam atas lantai, 2 premis kotor disita	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1196356/letak-ayam-atas-lantai-2-	HARIAN METRO

14-Mar	2 pusat penyembelihan ayam di Cheras didapati kotor, busuk	https://www.buletintv3.my/nasional/2-pusat-penyembelihan-ayam-di-cheras-didapati-kotor-busuk1/	TV3
14-Mar	Dua Premis Penyembelihan Ayam Haram Diserbu	https://malaysiagazette.com/2025/03/13/dua-premis-penyembelihan-ayam-haram-diserbu/	MALAYSIA GAZETTE
14-Mar	KPDN Serbu Dua Premis Penyembelihan Ayam Beroperasi Secara Haram, Kotor	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2401822	BERNAMA
14-Mar	Bazar Ramadan Rahmah (BRR) di lima lokasi menarik seluruh negeri	https://utusanarawak.com.my/bazar-ramadan-rahmah-brr-di-lima-lokasi-menarik-seluruh-negeri/	UTUSAN SARAWAK
14-Mar	KPDN Kelantan periksa lebih 1,500 premis sepanjang Ramadan	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1196462/kpdn-kelantan-periksa-lebih-1500-premis-sepanjang-ramadan	HARIAN METRO
14-Mar	PM lawat Bazar Ramadan Seksyen 2, nasihat peniaga jaga harga jualan, kebersihan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-lawat-bazar-ramadan-seksyen-2-nasihat-peniaga-jaga-harga-jualan-kebersihan-512357	ASTRO AWANI
14-Mar	PM luangkan masa 20 minit lawat Bazar Seksyen 2	https://www.kosmo.com.my/2025/03/13/pm-luangkan-masa-20-minit-lawat-bazar-seksyen-2/	KOSMO
14-Mar	PM lawat bazar Ramadan Seksyen 2 Shah Alam, nasihat peniaga jaga harga jualan, kebersihan	https://www.bharian.com.my/berita-nasional/2025/03/1372340/pm-lawat-bazar-ramadan-seksyen-2-shah-alam-nasihat-peniaga-jaga	BERITA HARIAN
14-Mar	PM lawat Bazar Ramadan Seksyen 2, titip pesanan kepada peniaga	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pm-lawat-bazar-ramadan-seksyen-2-titip-pesanan-kepada-peniaga	RTM

14-Mar	PM lawat bazar Ramadan, nasihat peniaga jaga harga jualan, kebersihan	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1196673/pm-lawat-bazar-ramadan-nasihat-peniaga-jaga-harga-jualan-	HARIAN METRO
14-Mar	PM lawat bazar Ramadan, nasihat peniaga jaga harga jualan, kebersihan	https://www.sinarharian.com.my/article/717555/berita/nasional/pm-lawat-bazar-ramadan-nasihat-peniaga-jaga-harga-jualan-	SINAR HARIAN
14-Mar	PM Lawat Bazar Ramadan Seksyen 2, Nasihat Peniaga Jaga Harga Jualan, Kebersih	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2402169	BERNAMA
14-Mar	PM visits Section 2 Ramadan Bazaar, advises vendors to maintain hygiene and fair pricing	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1187970/pm-visits-section-2-ramadan-bazaar-advises-vendors-maintain-hygiene-and	NEW STRAITS TIMES
14-Mar	Peniaga, pengunjung Bazar Seksyen 2 teruja jumpa PM	https://www.utusan.com.my/nasional/komuniti/2025/03/peniaga-pengunjung-bazar-seksyen-2-teruja-jumpa-pm/	UTUSAN
14-Mar	Masalah kekurangan bekalan minyak masak paket, botol di Kelantan bakal selesai	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1196531/masalah-kekurangan-bekalan-minyak-masak-paket-botol-di-	HARIAN METRO
14-Mar	Kekurangan minyak masak Kelantan dijangka selesai masa terdekat - KPDN	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2025/03/1372187/kekurangan-minyak-masak-kelantan-dijangka-selesai-	BERITA HARIAN
14-Mar	Bekalan kelapa di Johor stabil tapi harga santan masih tinggi	https://malaysiagazette.com/2025/03/13/bekalan-kelapa-di-johor-stabil-tapi-harga-santan-	MALAYSIA GAZETTE

14-Mar	Bekalan kelapa, santan di Johor kembali stabil - Exco	https:// www.astroawani.com/berita-malaysia/bekalan-kelapa-santan-di-johor-kembali-stabil-exco-512295	ASTRO AWANI
14-Mar	Bekalan kelapa stabil, harga santan masih tinggi di Johor	https:// www.sinarharian.com.my/article/717456/edisi/johor/video-bekalan-kelapa-stabil-harga-santan-masih-tinggi-	SINAR HARIAN
14-Mar	Bekalan Kelapa, Santan Di Johor Kembali Stabil - Exco	https://www.bernama.com/ bm/am/news.php?id=2401954	BERNAMA
14-Mar	Op Pantau 2025: KPDN KL serbu premis sembelihan haram, 3,000kg ayam disita	https://berita.rtm.gov.my/ nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/op-pantau-2025-kpdn-kl-serbu-premis-sembelihan-haram-3-000kg-ayam-disita	RTM